

### Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen

Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

**Pemerintahan Beraja Kesultanan Melayu Melaka**  
Raja, pemerintah berkuasa mutlak.

**Sebelum Perang Dunia Kedua**  
Pemerintahan beraja menjadi penghalang terhadap British untuk melakukan penjajahan di negeri Melayu.

**Semasa pendudukan Jepun**  
Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam.

**Selepas Perang Dunia Kedua**

- Kuasa pemerintahan diambil alih oleh Raja England apabila Malayan Union diperkenalkan.
- Malayan Union ditentang menyebabkan Persekutuan Tanah Melayu 1948 diperkenalkan.
- Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan.

**Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen selepas merdeka**

- Pemerintahan beraja diteruskan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Beberapa pindaan dibuat supaya sesuai dengan konsep demokrasi.
- Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Utama Negara.

Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

**1 Pembentukan Durbar Negeri-negeri Melayu Bersekutu**  
Merupakan majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British.

**2 Majlis Sultan-Sultan semasa Malayan Union**

- Berperanan membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam dan menasihati Gabenor tentang perkara yang dibangkitkan oleh Raja-raja Melayu.
- Majlis ini tidak pernah diwujudkan kerana Raja-raja Melayu menentang pelaksanaan Malayan Union.

**3 Majlis Raja-Raja semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948**  
Majlis Raja-Raja merupakan institusi yang dilengkapi dengan kuasa dan sekretariat, sesuai dengan kedudukan dan perannya.

**4 Majlis Raja-Raja selepas merdeka**

- Peranan Majlis Raja-Raja dikekalkan.
- Keanggotaannya mengalami perubahan.

## 5 Kedudukan Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

### Peranan:

- Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong
- Bersetuju atau tidak bersetuju tentang sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.
- Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu.
- Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera di Sarawak dan Sabah, dan kepentingan sah kaum lain.
- Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu.
- Memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan.
- Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu.

### Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

**Institusi Yang di-Pertuan Agong**  
Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan raja yang memerintah di sembilan buah negeri dalam Persekutuan.

**Kedudukan Yang di-Pertuan Agong**  
Ketua Utama Negara termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.

**Kuasa Yang di-Pertuan Agong**

- Kuasa Eksekutif
- Kuasa Perundangan
- Kuasa Kehakiman

### Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

**Amalan Pilihan Raya**  
Pilihan raya diadakan merupakan amalan demokrasi yang dilaksanakan di Malaysia sehingga hari ini.

**Kebebasan Asasi**  
Hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang.

### Pengasingan Kuasa dalam Pemerintahan

- **Badan Perundangan** – Berfungsi menggubal undang-undang.
- **Badan Eksekutif** – Badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan.
- **Badan Kehakiman** – Badan yang bertanggungjawab mentafsirkan dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.

### Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

Gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran merupakan keunikan pemerintahan di Malaysia.

Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan dalam negara kita.

Kuasa budi bicara raja merupakan kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu.

Kerjasama politik yang menitikberatkan soal perkongsian kuasa antara kaum berdasarkan prinsip tolak ansur, perundingan dan pengorbanan bagi memastikan suara setiap kaum diwakili.